

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31 Mei 2012
Hari: KHAMIS M/S: 9
Ruangan: VARIETI

Platform melatih keusahawanan pelajar

KERJASAMA universiti dengan sektor industri pemborongan dan peruncitan mampu memberi impak yang cukup signifikan kepada nilai kebolehpasaran graduan khususnya mahasiswa dalam bidang berkenaan untuk meraih peluang kerjaya yang lebih baik.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UITM), Prof Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata biarpun penerokaan bidang berkenaan masih belum meluas seperti di negara Barat, namun kerjasama itu mampu membuka mata mahasiswa bahawa mereka adalah modal insan yang amat diperlukan sektor industri pemborongan dan peruncitan.

Katanya, perkembangan dan prospek kerjaya dalam industri itu juga dilihat kukuh memandangkan ia antara industri terbesar di negara ini, selain mewujudkan permintaan tinggi terhadap profesional, mahir dan separa mahir dalam bidang peruncitan serta pemborongan.

"Di UITM, kita menawarkan program peruncitan peringkat diploma dan sarjana muda, dan menerusi kerjasama

ini, mereka berpeluang menjalani latihan perantis di rangkaian kedai Mydin.

"Pendedahan sepanjang latihan dapat melengkapkan pengetahuan dan kemahiran mahasiswa dengan dunia peruncitan dan pengalaman itu dapat dimanfaatkan apabila memasuki dunia pekerjaan yang sebenar.

"Malah di UITM, kita turut menyediakan peluang kepada mahasiswa dan graduan program ini untuk mengendalikan Kedai Runcit 1 Malaysia yang diwujudkan di kampus Shah Alam dan dijangka akan diperluaskan ke semua cawangan UITM tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata, kerjaya dalam industri peruncitan ini menyediakan pakej menarik dan peluang melebarkan kerjaya yang luas, malah lepasan graduan boleh memperoleh pendapatan yang baik dan berpeluang untuk kenaikan pangkat dalam tempoh yang singkat.

Katanya, kerja keras dan dedikasi membolehkan graduan menjawat jawatan tinggi selain faedah menarik, selain berpeluang untuk menjalankan perniagaan

sendiri sekiranya berminat menyertai bidang keusahawanan.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak menyifatkan kerjasama pintar itu sebagai platform awal melatih mahasiswa dalam bidang peruncitan dan perniagaan.

Sebelum ini, katanya, mahasiswa hanya didedahkan dengan kajian kes dan kaedah simulasi dalam proses pembelajaran di bilik kuliah, namun kini mereka berupaya merasai pengalaman sebenar bidang berkenaan.

"Inisiatif ini cukup baik bagi melengkapkan pengetahuan dan kemahiran mahasiswa sebelum bergraduat dan ia sudah pasti meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan.

"Pada masa sama, ia mampu mengubah persepsi sesetengah pihak yang sebelum ini menganggap bidang pemborongan dan peruncitan sebagai kurang berdaya maju, sedangkan hakikatnya ia menyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.